

**SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENGANTIAN SILING DI BLOK P, D DAN T BANGUNAN ASRAMA POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, DUNGUN, TERENGGANU PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/05/K01/2025**



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**



**1.0 KELAS, KEPALA DAN SUB KEPALA MEMASUKI TAWARAN**

1. Sebut harga ini adalah dipelawa kepada kontraktor tempatan dalam Daerah Dungun dengan kelayakan seperti berikut :
  - Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
  - Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) **Gred G1 beserta kod pengkhususan (B24)**
  - Mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
  - Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
  - Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB)

**2.0 KEDUDUKAN TAPAK KERJA**

- 2.1 Tapak kerja ini adalah terletak di dalam bangunan PSMZA.
- 2.2 Penentuan kedudukan tapak sebenar boleh dibuat melalui lawatan bersama diantara Pegawai Penjaga Kerja dengan Kontraktor sebelum memulakan kerja.

**3.0 TAKLIMAT KERJA / LAWATAN TAPAK KE TAPAK KERJA**

- 3.1 Kontraktor adalah dikehendaki menghadiri taklimat/lawatan tapak mengenai kerja-kerja yang ditawarkan, yang akan disampaikan oleh Pegawai Penguasa dari UPP PSMZA pada **06 MAC 2025 (KHAMIS) JAM 9.00 PAGI**.
- 3.2 Kontraktor adalah dinasihatkan melawat tapak bina untuk meneliti secara terperinci mengenai kerja-kerja dalam sebutharga ini. Segala perbelanjaan untuk lawatan tapak adalah di atas tanggungan kontraktor sendiri.
- 3.3 Kontraktor adalah dibenarkan membuat pertanyaan pada waktu-waktu pejabat sekiranya tidak memahami tata atur kerja dan pelan tawaran sebelum sebut harga ditutup.
- 3.4 Hanya Kontraktor yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak sahaja akan dibenarkan untuk memasuki tawaran ini. Kontraktor yang berminat hendaklah berada di PSMZA pada tarikh dan masa yang dinyatakan.

BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU

TANDATANGAN DAN COP KONTRAKTOR SERTA TARIKH :

**SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PENGANTIAN SILING DI BLOK P, D DAN T BANGUNAN ASRAMA POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, DUNGUN, TERENGGANU  
PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/05/K01/2025**

- 3.5 Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang boleh menghadiri lawatan tapak dan tidak boleh mewakilkan pegawai lain. Sila bawa bersama dokumen yang berkaitan.

**4.0 SKOP / PENENTUAN KERJA**

- 4.1 Sebut Harga Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Penggantian Siling Di Blok P, D Dan T Bangunan Asrama Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu

**5.0 MENANGGUNG RUGI KERAJAAN MENGENAI  
KECEDERAAN DIRI DAN KEROSAKAN KEPADA HARTA**

- 5.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab atas, dan hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap, apa-apa jua kerosakan, perbelanjaan, liability, terhadap apa-apa jua kerosakan, perbelanjaan, liability, kerugian, tuntutan atau prosiding samada yang berbangkit di sisi 'common law' atau menurut status berkenaan dengan kecederaan diri atau kematian mana-mana orang yang berbangkit dari atau dalam masa atau disebabkan oleh pelaksanaan kerja ini.
- 5.2 Kontraktor hendaklah bertanggung atas, dan hendaklah menanggung rugi Kerajaan terhadap, apa-apa jua kerosakan, perbelanjaan liability, kerugian tuntutan atau prosiding disebabkan oleh apa-apa jua jenis bencana atau kerosakan kepada harta tanah atau harta diri (termasuklah kerja dan apa-apa harta Kerajaan yang lain) setakat mana bencana atau kerosakan itu berbangkit dari atau dalam masa atau disebabkan oleh pelaksanaan kerja, dan dengan syarat sentiasanya bahawa ia disebabkan oleh apa-apa kecuaiian, peninggalan, pecah kontrak atau kemungkinan oleh mana-mana orang kontraktor itu bertanggungjawab terhadapnya termasuk pengkhidmat atau ejen kontraktor atau oleh mana-mana subkontraktor, samada yang dinamakan atau selainnya, dan pengkhidmat atau ejennya.
- 5.3 Ganti rugi yang diberi oleh kontraktor di bawah subfasal (a) atau (b) syarat-syarat ini tidak boleh dikecewakan atau dikurangkan oleh sebab apa-apa kecuaiian atau peninggalan di pihak Kerajaan atau P.P atau wakil P.P yang gagal menyelia atau mengawal kerja kontraktor di tapakbina atau cara-cara mengerjakan atau kerja sementara, atau mengesan atau mengecah atau membaiki kerja yang cacat atau memastikan pelaksanaan yang wajar akan apa-apa obligasi lain di pihak kontraktor di bawah kontrak ini.

BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU

TANDATANGAN DAN COP KONTRAKTOR SERTA TARIKH :

**SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN  
PENGANTIAN SILING DI BLOK P, D DAN T BANGUNAN ASRAMA POLITEKNIK  
SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN, DUNGUN, TERENGGANU  
PSMZA/PEROLEHAN/S/400-5/7/05/K01/2025**

**6.0 PENILAIAN KERJA**

Penilaian kerja dan bayaran akan dibuat setelah kerja disiapkan dengan sempurna.

**7.0 PENERIMAAN KERJA SIAP**

Pegawai Penguasa berhak menolak hasil kerja atau mengurangkan nilai harga kerja ke atas kerja-kerja yang tidak disempurnakan dengan baik atau tidak mengikuti spesifikasi kerja.

**8.0 MEMBERSIH KAWASAN TAPAK SELEPAS SIAP**

Kontraktor dikehendaki membersihkan kawasan binaan dari segala lebihan bahan dan kotoran keluar dari tapak kerja ke suatu tempat pelupusan atau tempat yang sesuai dengan persetujuan Pegawai Penjaga Kerja.

BERSETUJU / TIDAK BERSETUJU

TANDATANGAN DAN COP KONTRAKTOR SERTA TARIKH :